

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HSM 212 Sejarah Politik Malaysia Hingga Abad Ke-19

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM
DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan termasuk sekurang-kurangnya SATU [1] soalan daripada Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**BAHAGIAN A - KESULTANAN MELAKA - ACHEH - PATANI -
NEGERI-NEGERI SELAT - KEDAH**

1. "Boleh dikatakan jika tiada perubahan pendirian Winstedt mungkin tiada pengkajian yang mendalam dalam hal salasilah raja-raja Melaka". Bincangkan.
2. "Perdagangan hanya di pelabuhan dan bandar Melaka sahaja sedangkan di daerah-daerah takluknya ekonomi masyarakat Melayu ialah pertanian". Setujukah anda dengan kenyataan ini?
3. "Negeri-negeri Melayu sebelum dijajah mengamalkan sistem feudal di mana hanya keluarga diraja dan pembesar-pembesar sahaja yang terlibat dalam politik. Rakyat tidak mempunyai apa-apa peranan". Adakah kenyataan ini menepati keadaan sebenar di zaman Kesultanan Melayu Melaka?
4. Bincangkan sebab-sebab kemunculan pemerintahan raja-raja Perempuan di Aceh dan Patani dan mengapa fenomena ini tidak berlaku di negeri-negeri Semenanjung?

5. Bincangkan pengaruh dan kesan pemerintahan Inggeris di Negeri Selat ke atas negeri-negeri Melayu Semenanjung sebelum 1874.
6. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa perebutan kuasa di negeri Kedah pada awal abad ke-19 telah memberi peluang kepada Siam untuk menakluk negeri itu dan mengamalkan dasar pecah dan perintah.

BAHAGIAN B - BRUNEI - SARAWAK - SABAH

7. **SAMA ADA**

- (a) Bincangkan kenapa Kerajaan Inggeris mengambil Pulau Labuan pada tahun 1847, tetapi menolak beberapa kali penawaran negeri Sarawak dari James Brooke.

ATAU

- (b) Bincangkan kenapa sungguhpun pada tahun 1888 Kerajaan Inggeris meletakkan Brunei, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah) di bawah naungannya, tetapi ia masih tidak mahu mentadbir ketiga-tiga negeri itu secara langsung.

8. Nilaikan **Salasilah Raja-Raja Brunei** sebagai sumber sejarah.

-oooooooo-